

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

4. Kebiasaananya apabila berlaku bencana ribut atau serangan seperti virus COVID-19, peniaga-peniaga yang tidak sah tidak dibela nasib mereka sedangkan mereka juga adalah rakyat dan pengundi di Pulau Pinang dan kehidupan mereka juga adalah dalam kategori susah. Apakah kerajaan bersedia mengkaji bantuan kepada golongan ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Kebanyakan penjaja di tepi jalan atau berniaga dari rumah tidak mempunyai lesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh yang demikian, pihak PBT sukar untuk membuat pengesahan samada peniaga tidak berlesen ini sememangnya menjalankan aktiviti perniagaan ataupun tidak. Untuk itu, bantuan tunai secara one-off berjumlah RM500 hanya diberikan kepada penjaja dan peniaga kecil yang berlesen dengan PBT sahaja.

Walaubagaimanapun, untuk tidak menghamparkan penjaja dan peniaga kecil yang tidak berlesen ini, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu MBPP dan MBSP turut memperkenalkan inisiatif jualan makanan dalam talian untuk membantu penjaja dan peniaga kecil. MBPP telah menyediakan satu platform berkonsepkan perniagaan secara atas talian Jom Beli Online @ MBPP, bagi membantu peniaga dan penjaja kecil yang terjejas dengan pandemik COVID-19. Platform berkenaan adalah mesra pengguna kerana tidak perlu memuat turun sebarang aplikasi, sebaliknya hanya perlu melayari laman sesawang MBPP dan membuat pesanan makanan menerusi pautan projek Jom Beli Online @ MBPP. Sebagai permulaan, inisiatif ini akan menumpukan kepada para peniaga

Kompleks Makanan MBPP sahaja, dan seterusnya akan diperluaskan kepada peniaga bazar Ramadan serta pasar awam.

MBSP pula sedang membangunkan portal eBazar Ramadan bagi membantu peniaga meneruskan perniagaan melalui dalam talian. Dalam portal berkenaan, semua peniaga di Seberang Perai yang mempunyai laman sosial antaranya *Facebook* dan *WhatsApp* akan didaftarkan dan jualan mereka akan dimasukkan ke dalam e-Katalog Bazar Ramadan yang boleh dipilih oleh pengguna. Portal tersebut akan memberi peluang kepada semua peniaga yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mencari rezeki pada Ramadan ini. Penjaja dan peniaga kecil yang berminat boleh melayari laman sesawang MBSP untuk menyertai e-Katalog Bazar Ramadan ini.

Kerajaan Negeri turut menggalakkan pihak swasta dan akademik yang ingin memberikan idea dan sumbangan bagi membantu golongan penjaja dan peniaga kecil untuk tampil kehadapan dan bersama-sama Kerajaan Negeri meneroka kaedah baharu pasaran bagi penjajaan dan perniagaan.